



**29 Mac 2019**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 Lahad Datu.**

Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 Lahad Datu telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk rancangan Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 Lahad Datu. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 ladang yang diuruskan oleh Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 Lahad Datu.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 Lahad Datu pada 29 hingga 30 April 2019. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-2:2013 Part 2: General principle for smallholder. Salinan Standard MSPO 2530-2:2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.



Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Nama unit pengurusan	Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 (Lahad Datu)
Alamat lokasi	<b>Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu</b> Kilometer 10, Jalan Tengah Nipah, Beg Berkunci No.4, 91109 Lahad Datu, Sabah
Bilangan ahli pekebun kecil	300 Ahli
Standard yang digunakan	MS 2530-2:2013 Prinsip-prinsip am untuk pekebun kecil persendirian

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) S25 Lahad Datu terdiri daripada:

- i) **En Mohd Rizal Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial)
- ii) **En. Ermadasila** sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) **En. Abdul Hakim** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)



Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 29 April 2019  
Masa : 10.00am-12.00pm  
Lokasi : **Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu**  
Kilometer 10, Jalan Tengah Nipah, Beg Berkunci  
No.4, 91109 Lahad Datu, Sabah

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.



Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Penyelaras Skim**

Norsyahidah Manaf  
Trans Certification International Sdn Bhd.  
No. B52, Tingkat 1,  
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang  
Tel: +609-5751333.  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Norsyahidah Manaf

**Penyelaras Skim**

Trans Certification International Sdn Bhd